



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 658**

## **AKTA PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006**

*Sebagaimana pada 1 November 2012*

Tarikh Perkenan Diraja	... ..	30 Ogos 2006
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	... ..	31 Ogos 2006

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 658

### AKTA PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Penggunaan tidak mandatori
4. Rujukan kepada undang-undang bertulis lain
5. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### PENGIKTIRAFAN UNDANG-UNDANG MESEJ ELEKTRONIK

6. Pengiktirafan undang-undang mesej elektronik
7. Pembentukan dan kesahan kontrak

##### BAHAGIAN III

##### MEMENUHI KEHENDAK UNDANG-UNDANG MELALUI CARA ELEKTRONIK

8. Tulisan
9. Tandatangan
10. Meterai
11. Saksi
12. Asal
13. Penyimpanan dokumen
14. Salinan

Seksyen

15. Bentuk yang ditetapkan
16. Penyampaian dan penyerahan

#### BAHAGIAN IV

##### KOMUNIKASI MESEJ ELEKTRONIK

17. Anggapan mesej elektronik
18. Kandungan mesej elektronik
19. Setiap mesej elektronik dianggap berasingan
20. Masa pengiriman
21. Masa penerimaan
22. Tempat pengiriman
23. Tempat penerimaan
24. Pengakuteraan

#### BAHAGIAN V

##### PELBAGAI

25. Peraturan-peraturan

JADUAL

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 658

#### AKTA PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan pengiktirafan undang-undang mesej elektronik dalam urus niaga perdagangan, penggunaan mesej elektronik itu untuk memenuhi kehendak undang-undang dan untuk membolehkan dan memudahkan urus niaga perdagangan melalui penggunaan cara elektronik dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[19 Oktober 2006; P.U. (B) 280/2006]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perdagangan Elektronik 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pemakaian**

2. (1) Tertakluk kepada seksyen 3, Akta ini hendaklah terpakai bagi apa-apa urus niaga perdagangan yang dijalankan melalui cara elektronik termasuk urus niaga perdagangan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(2) Akta ini tidak terpakai bagi urus niaga atau dokumen yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Menteri boleh melalui perintah meminda, mengubah, memotong daripada atau menambah kepada Jadual.

### **Penggunaan tidak mandatori**

3. (1) Tiada apa pun dalam Akta ini boleh menjadikannya mandatori bagi seseorang untuk menggunakan, memberi atau menerima apa-apa mesej elektronik dalam mana-mana urusan niaga perdagangan melainkan jika orang itu mengizinkan penggunaan, pemberian atau penerimaan mesej elektronik itu.

(2) Keizinan seseorang untuk mengguna, memberi atau menerima apa-apa mesej elektronik dalam mana-mana urusan niaga perdagangan boleh disimpulkan daripada perlakuan orang itu.

### **Rujukan kepada undang-undang bertulis lain**

4. Pemakaian Akta ini hendaklah sebagai tambahan sifatnya dan tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang lain yang mengawal selia urusan niaga perdagangan.

### **Tafsiran**

5. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“elektronik” ertinya teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnetik, elektromagnetik, biometrik, photonik atau teknologi lain yang seumpama;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna;

“mesej elektronik” ertinya suatu maklumat yang dihasilkan, dihantar, diterima atau disimpan melalui cara elektronik;

“pemula” ertinya seseorang yang melaluinya atau yang bagi pihaknya, suatu mesej elektronik dihasilkan atau dihantar;

“penerima” ertinya seseorang yang dimaksudkan oleh pemula untuk menerima suatu mesej elektronik;

“sistem memproses maklumat” ertinya suatu sistem elektronik untuk menghasilkan, menghantar, menerima, menyimpan atau memproses mesej elektronik;

“tanda tangan elektronik” ertinya apa-apa huruf, aksara, nombor, bunyi atau apa-apa simbol lain atau apa-apa gabungannya yang dicipta dalam suatu bentuk elektronik yang diterima pakai oleh seseorang sebagai suatu tanda tangan;

“urus niaga perdagangan” ertinya suatu komunikasi sehalu atau komunikasi pelbagai yang bersifat perdagangan, sama ada berbentuk kontraktual atau tidak, termasuklah apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang-barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, kewangan, perbankan dan insurans.

## BAHAGIAN II

### PENGIKTIRAFAN UNDANG-UNDANG MESEJ ELEKTRONIK

#### **Pengiktirafan undang-undang mesej elektronik**

6. (1) Apa-apa maklumat tidak boleh dinafikan kesan undang-undang, kesahan atau kebolehlaksanaan atas alasan bahawa ia adalah secara keseluruhan atau sebahagian dalam suatu bentuk elektronik.

(2) Apa-apa maklumat tidak boleh dinafikan kesan undang-undang, kesahan atau kebolehlaksanaan atas alasan bahawa maklumat itu tidak terkandung dalam mesej elektronik yang memberi kesan undang-undang itu, tetapi hanya dirujuk dalam mesej elektronik itu, dengan syarat bahawa maklumat yang dirujuk itu boleh dicapai oleh orang yang terhadapnya maklumat yang dirujuk itu mungkin digunakan.

#### **Pembentukan dan kesahan kontrak**

7. (1) Dalam pembentukan suatu kontrak, komunikasi tawaran, penerimaan tawaran, dan pembatalan tawaran dan penerimaan atau apa-apa komunikasi yang berkaitan boleh dinyatakan melalui suatu mesej elektronik.

(2) Suatu kontrak tidak boleh dinafikan kesan undang-undang, kesahan atau kebolehlaksanaan atas alasan bahawa suatu mesej elektronik digunakan dalam pembentukannya.

### BAHAGIAN III

#### MEMENUHI KEHENDAK UNDANG-UNDANG MELALUI CARA ELEKTRONIK

#### **Tulisan**

**8.** Jika mana-mana undang-undang menghendaki maklumat secara bertulis, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika maklumat itu terkandung dalam suatu mesej elektronik yang boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya.

#### **Tandatangan**

**9.** (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki tandatangan seseorang atas suatu dokumen, kehendak undang-undang itu dipenuhi, jika dokumen itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik, oleh suatu tandatangan elektronik yang—

- (a) dilampirkan kepada atau dikaitkan secara logik dengan mesej elektronik itu;
- (b) mengenal pasti secukupnya orang itu dan menunjukkan secukupnya kelulusan orang itu terhadap maklumat yang berhubung dengan tandatangan itu; dan
- (c) adalah boleh dipercayai sewajarnya memberikan maksud bagi, dan hal keadaan yang tandatangan itu dikehendaki.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(c), suatu tandatangan elektronik adalah sewajarnya boleh dipercayai jika—

- (a) cara menghasilkan tandatangan elektronik itu dikaitkan dengan dan di bawah kawalan orang itu sahaja;
- (b) apa-apa perubahan yang dibuat kepada tandatangan elektronik itu selepas masa penandatanganan itu boleh dikesan; dan
- (c) apa-apa perubahan yang dibuat kepada dokumen itu selepas masa penandatanganan itu boleh dikesan.



(3) Akta Tandatangani Digital 1997 [Akta 562] hendaklah terus terpakai bagi apa-apa tandatangan digital yang digunakan sebagai suatu tandatangan elektronik dalam apa-apa urusan perdagangan.

### **Meterai**

**10.** (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki meterai dicapkan pada suatu dokumen, kehendak undang-undang itu dipenuhi, jika dokumen itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik, oleh suatu tandatangan digital sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Tandatangani Digital 1997.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, menetapkan apa-apa tandatangan elektronik lain yang memenuhi kehendak mengecapkan suatu meterai dalam suatu mesej elektronik.

### **Saksi**

**11.** Jika mana-mana undang-undang menghendaki tandatangan seorang saksi pada suatu dokumen, kehendak undang-undang itu dipenuhi, jika dokumen itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik, oleh suatu tandatangan elektronik saksi itu yang mematuhi kehendak seksyen 9.

### **Asal**

**12.** (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki mana-mana dokumen dalam bentuk asalnya, kehendak undang-undang itu dipenuhi oleh suatu dokumen dalam bentuk suatu mesej elektronik jika—

- (a) wujud suatu jaminan yang boleh dipercayai mengenai integriti maklumat yang terkandung dalam mesej elektronik itu dari masa mesej elektronik itu mula-mula dihasilkan dalam bentuknya yang muktamad; dan
- (b) mesej elektronik itu boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a)—

- (a) kriteria bagi menilai integriti maklumat itu hendaklah sama ada maklumat itu kekal lengkap dan tidak diubah, selain penambahan apa-apa pengendorsan atau apa-apa perubahan yang timbul dalam perjalanan biasa komunikasi, penyimpanan dan paparan; dan
- (b) standard kebolehpercayaan yang dikehendaki hendaklah dinilai berpandukan kepada maksud dokumen itu dihasilkan dan berpandukan kepada semua hal keadaan lain yang berkaitan.

### **Penyimpanan dokumen**

**13.** Jika mana-mana undang-undang menghendaki mana-mana dokumen disimpan, kehendak undang-undang itu dipenuhi dengan penyimpanan dokumen itu dalam bentuk suatu mesej elektronik jika mesej elektronik itu—

- (a) disimpan dalam format yang mesej elektronik ini dihasilkan, dihantar atau diterima, atau dalam suatu format yang tidak mengubah secara material maklumat yang terkandung dalam mesej elektronik yang asalnya telah dihasilkan, dihantar atau diterima;
- (b) boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya; dan
- (c) mengenal pasti asal usul dan destinasi mesej elektronik itu dan tarikh dan masa ia dihantar atau diterima.

### **Salinan**

**14.** Jika mana-mana undang-undang menghendaki apa-apa dokumen disimpan, disampaikan, dihantar atau diserahkan dalam lebih daripada satu salinan, kehendak undang-undang itu dipenuhi, jika dokumen itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik, dengan penyimpanan, penyampaian, penghantaran atau penyerahan dokumen itu dalam satu salinan.

### **Bentuk yang ditetapkan**

**15.** Jika mana-mana undang-undang menghendaki apa-apa dokumen dalam suatu bentuk yang ditetapkan, kehendak undang-undang itu dipenuhi oleh suatu dokumen dalam bentuk suatu mesej elektronik jika mesej elektronik itu—

- (a) diformat mengikut cara yang sama atau sebahagian besarnya sama dengan bentuk yang ditetapkan;
- (b) boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan bagi rujukan yang berikutnya; dan
- (c) berupaya disimpan oleh orang yang satu lagi.

### **Penyampaian dan penyerahan**

**16.** (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki apa-apa dokumen untuk disampaikan, dihantar atau diserahkan, kehendak undang-undang itu dipenuhi dengan penyampaian, penghantaran atau penyerahan dokumen itu melalui suatu cara elektronik jika terdapatnya suatu sistem memproses maklumat—

- (a) untuk mengenal pasti asal usul, destinasi, masa dan tarikh penyampaian, penghantaran atau penyerahan; dan
- (b) bagi pengakuteraan,

dokumen itu.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi—

- (a) apa-apa notis ingkar, notis tuntutan, notis tunjuk sebab, notis pemilikan semula atau apa-apa notis yang seumpama yang dikehendaki untuk disampaikan sebelum memulakan suatu prosiding undang-undang; dan
- (b) mana-mana proses pemulaan, pliding, affidavit atau dokumen lain yang dikehendaki disampaikan menurut suatu prosiding undang-undang.

## **BAHAGIAN IV**

### **KOMUNIKASI MESEJ ELEKTRONIK**

#### **Anggapan mesej elektronik**

**17.** (1) Suatu mesej elektronik adalah kepunyaan pemula jika mesej elektronik itu dihantar oleh pemula sendiri.

(2) Di antara pemula dengan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan sebagai kepunyaan pemula jika mesej elektronik itu dihantar oleh—

- (a) orang yang mempunyai kebenaran untuk bertindak bagi pihak pemula berkenaan dengan mesej elektronik itu; atau
- (b) suatu sistem memproses maklumat yang diprogramkan oleh, atau bagi pihak, pemula untuk beroperasi secara automatik.

(3) Di antara pemula dengan penerima, penerima itu berhak untuk menganggap suatu mesej elektronik itu adalah kepunyaan pemula, dan untuk bertindak atas anggapan itu jika—

- (a) penerima memakai sewajarnya suatu kaedah pengesahan yang dipersetujui antara pemula dengan penerima untuk menentukan sama ada mesej elektronik itu adalah kepunyaan pemula; atau
- (b) mesej elektronik sebagaimana yang diterima oleh penerima adalah hasil tindakan seseorang yang hubungannya dengan pemula atau mana-mana agen pemula membolehkan orang itu mendapatkan capaian kepada suatu kaedah pengesahan yang digunakan oleh pemula untuk mengenal pasti mesej elektronik itu sebagai kepunyaannya.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai jika—

- (a) penerima telah menerima suatu notis daripada pemula bahawa mesej elektronik itu bukanlah kepunyaan pemula dan mempunyai masa yang munasabah untuk bertindak sewajarnya; atau
- (b) penerima tahu atau sepatutnya tahu bahawa mesej elektronik itu bukanlah kepunyaan pemula jika dia telah menjalankan jagaan yang munasabah atau menggunakan apa-apa kaedah pengesahan yang dipersetujui antara pemula dengan penerima.

### **Kandungan mesej elektronik**

**18.** Jika seseorang penerima menerima suatu mesej elektronik, penerima itu berhak untuk menganggap bahawa mesej elektronik itu sebagai mesej yang pemula berhasrat untuk menghantar, dan

bertindak atas anggapan itu, melainkan jika penerima tahu atau sepatutnya tahu, jika dia telah menjalankan jagaan yang munasabah atau menggunakan apa-apa tatacara yang dipersetujui, bahawa penghantaran mesej elektronik itu telah mengakibatkan apa-apa kesilapan dalam mesej elektronik yang diterima.

### **Setiap mesej elektronik dianggap berasingan**

**19.** Jika seseorang penerima menerima suatu mesej elektronik, penerima berhak untuk menganggap bahawa setiap mesej elektronik yang diterima sebagai suatu mesej elektronik yang berasingan dan untuk bertindak atas anggapan itu, melainkan jika penerima tahu atau sepatutnya tahu, dia menjalankan jagaan yang munasabah atau menggunakan apa-apa tatacara yang dipersetujui, bahawa mesej elektronik itu merupakan suatu pendua.

### **Masa pengiriman**

**20.** Melainkan jika dipersetujui selainnya antara pemula dengan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan dihantar bila mesej elektronik itu memasuki suatu sistem memproses maklumat di luar kawalan pemula.

### **Masa penerimaan**

**21.** Melainkan jika dipersetujui selainnya antara pemula dengan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan diterima—

- (a) jika penerima telah menetapkan suatu sistem memproses maklumat bagi maksud menerima mesej elektronik, bila mesej elektronik itu memasuki sistem memproses maklumat yang ditetapkan itu; atau
- (b) jika penerima tidak menetapkan suatu sistem memproses maklumat bagi maksud menerima mesej elektronik, bila mesej elektronik itu sampai kepada pengetahuan penerima.

**Tempat pengiriman**

**22.** Melainkan jika dipersetujui selainnya antara pemula dengan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan dihantar dari tempat perniagaan pemula, dan—

- (a) jika pemula mempunyai lebih daripada satu tempat perniagaan, dari tempat perniagaan yang mempunyai hubungan yang terdekat dengan urusan niaga itu atau jika tiada tempat perniagaan yang mempunyai hubungan terdekat dengan urusan niaga itu, dari tempat utama perniagaan pemula; atau
- (b) jika pemula tidak mempunyai suatu tempat perniagaan, dari tempat tinggal biasa pemula.

**Tempat penerimaan**

**23.** Melainkan jika dipersetujui selainnya antara pemula dengan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan diterima di tempat perniagaan penerima, dan—

- (a) jika penerima mempunyai lebih daripada satu tempat perniagaan, di tempat perniagaan yang mempunyai hubungan yang terdekat dengan urusan niaga itu dan jika tiada tempat perniagaan yang mempunyai hubungan terdekat dengan urusan niaga itu, dari tempat utama perniagaan penerima; atau
- (b) jika penerima tidak mempunyai suatu tempat perniagaan, dari tempat tinggal biasa penerima.

**Pengakuteraan**

**24.** (1) Seksyen ini terpakai jika, semasa atau sebelum menghantar suatu mesej elektronik, atau dalam mesej elektronik itu, pemula telah meminta atau bersetuju dengan penerima bahawa penerimaan mesej elektronik itu hendaklah diaku terima.

(2) Jika pemula telah meminta atau bersetuju dengan penerima bahawa penerimaan mesej elektronik itu hendaklah diaku terima, mesej elektronik itu dianggap seolah-olah tidak pernah dihantar sehinggalah pengakuteraan itu diterima.

(3) Jika pemula tidak bersetuju dengan penerima bahawa pengakuteraan itu hendaklah diberi dalam suatu bentuk tertentu atau melalui suatu cara yang tertentu, suatu pengakuteraan boleh diberi melalui—

(a) apa-apa komunikasi oleh penerima, automatik atau selainnya; atau

(b) apa-apa kelakuan penerima yang mencukupi untuk menunjukkan kepada pemula bahawa mesej elektronik itu telah diterima.

(4) Jika pengakuteraan tidak diterima oleh pemula dalam masa yang ditentukan atau dipersetujui atau, jika tiada masa ditentukan atau dipersetujui, dalam suatu masa yang munasabah, pemula itu boleh—

(a) memberi notis kepada penerima menyatakan bahawa tiada pengakuteraan telah diterima dan menentukan suatu masa yang munasabah yang pengakuteraan itu mesti diterima; dan

(b) jika pengakuteraan itu tidak diterima dalam masa yang ditentukan dalam perenggan (a), memberi notis kepada penerima untuk menganggap mesej elektronik itu seolah-olah tidak pernah dihantar dan menjalankan apa-apa hak lain yang dia ada.

(5) Jika pemula menerima pengakuteraan penerima, adalah dianggap bahawa mesej elektronik yang berkaitan telah diterima oleh penerima.

(6) Jika pengakuteraan yang diterima itu menyatakan bahawa mesej elektronik yang berkaitan memenuhi kehendak teknikal, sama ada yang dipersetujui atau dikemukakan dalam standard yang terpakai, adalah dianggap bahawa kehendak itu telah dipenuhi.

## BAHAGIAN V

### PELBAGAI

#### **Peraturan-peraturan**

**25.** Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan Akta ini.

## JADUAL

[Seksyen 2]

Akta ini tidak terpakai bagi transaksi atau dokumen yang berikut:

1. Surat kuasa wakil
  2. Pembentukan wasiat dan kodisil
  3. Pembentukan amanah
  4. Surat cara boleh niaga
-



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 658****AKTA PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari– TIADA –  
  

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 658**

**AKTA PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

– TIADA –

---